

SOALAN NO.: 464

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

SOALAN :

YB Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI minta menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mencadangkan agar Ketua Pembangkang Parlimen dilantik sebagai Pengerusi PAC seperti yang diamalkan oleh negara lain yang mengamalkan sistem Parlimen yang sama dengan Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) diwujudkan untuk memeriksa dan memantau urusan kewangan negara serta memastikan ketelusan pengurusan dan pentadbiran kewangan negara ditadbir secara baik serta sempurna. Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk melantik Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negara (PAC) seperti yang diamalkan oleh negara lain telah diambil maklum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pemilihan Pengerusi dan Naib pengerusi PAC adalah melalui usul daripada Kerajaan yang mana usul adalah dibahas dan diputuskan di dalam Dewan Rakyat.

Sekian. Terima kasih.